

# Kesan-kesan Hijrah al-Rasul di Dalam Masyarakat Moden

(Oleh Dr. Muhammad Khalifah)

Di saat memperingati peristiwa Hijrah Rasul dari kota Makkah ke Kota Madinah – di zaman 13 abad yang yang<sup>1</sup> lampau – sebaiknya bagi kita seluruh umat Islam mengkaji dan menganalisis kesan-kesan yang didapati di dalam peristiwa hijrah itu untuk dijadikan pengajaran-pengajaran dan panduan kepada kita menghadapi cabaran hidup dalam sebuah masyarakat baru dan moden pada hari ini.

Pada hakikatnya dalam peristiwa hijrah ini, banyak mengandungi pengajaran-pengajaran dari segi pertadbiran, pengorbanan, kesabaran, kuat cita-cita dan juga kisah-kisah yang luar biasa. Selain dari itu kesan-kesan pendidikan, pembinaan masyarakat Islam dan konsep-konsep kemajuan yang berdasarkan perikemanusiaan juga akan dapat kita ketahui dari peristiwa hijrah yang agung itu.

Dalam kajian yang ringkas ini, saya akan bentangkan empat perkara dari kesan-kesan pengajaran yang kita dapati dari peristiwa hijrah yang bersifat *extraordinary* (luar biasa) itu.

(Alih bahasa: Abdul Aziz Al-Murshidi)

## 1. Sabar dan Pengorbanan:

Sejak Rasulullah (S.A.W) diangkat dengan rasminya menjadi perutusan Tuhan di muka bumi ini, Baginda dengan tidak putus-putusnya dihujani dengan berbagai-bagai aneka gangguan dan penghinaan, serta didustakan oleh kaumnya sendiri, sedang pada masa baginda belum dilantik menjadi rasul, baginda dikenali oleh masyarakat Quraisy di Kota Makkah dan seluruh Tanah Arab, sebagai seorang pemuda yang mempunyai sifat amanah dan tidak pernah berdusta, sehingga baginda pernah dipilih menjadi hakim oleh orang-orang Quraisy sendiri untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian di antara kabilah-kabilah Arab mengenai Hajar al-Aswad. Tetapi sanjungan yang begitu tinggi yang telah diberikan oleh masyarakat bangsanya, dengan tiba-tiba bertukar menjadi sesuatu penghinaan setelah baginda benar-benar mengatakan perkara yang benar bahawa baginda telah dipilih oleh

Tuhan menjadi seorang rasul kepada seluruh umat manusia di muka bumi ini.

Ketika baginda sedang bermenung memikirkan keadaan masyarakat di sekelilingnya, masyarakat yang tidak mahu mengakui dirinya sebagai seorang “Rasul Tuhan”, malahan berita perlantikannya yang benar-benar diterimanya dari Tuhan melalui malaikat Jibrail itu, didustakan oleh kaumnya, tiba-tiba turunlah wahyu dari Tuhan untuk menenangkan fikirannya yang sedang dalam kebingungan itu:

“*Wāinayakalūbūkafulkūbūbatqubūhūm qawmu Nūh wa ‘Ād wa Thamūd wa qawmu Ibrāhīm wa qawmu Lūṭ.*”

Maksudnya: “Dan jika mereka mendustakan mu, sesungguhnya telah didustakan (rasul-rasul) sebelum mereka oleh kaum Nūh kaum ‘Ād dan Thamūd, kaum Ibrāhīm dan kaum Lūṭ.” (Sūrah al-Ḥajj ayat 42-43).

Kian hari tentangan-tentangan yang dilakukan oleh kaum Quraisy terhadap baginda kian memuncak, sehingga baginda disiksa dengan perbuatan-perbuatan yang menghina dan kata-kata pedas yang melukakan perasaan hati menggugat jiwa. Dalam saat yang begini genting menahan gelora hati yang diperhina-hinakan dengan kata-kata yang begitu biadap, maka turunlah sepotong ayat penawar dari Tuhan, memerintahkan supaya baginda bersabar menepuhi penderitaan-penderitaan lahir dan batin yang dilemparkan dengan begitu keterlaluan oleh kaum Mushrik yang diserunya:

“*Fāṣbir kamā ṣabarū ‘ulū al-‘azmi min al-rasūl<sup>2</sup> wa lā tasta ‘jil lahum.*”

Maksudnya: “Maka hendaklah engkau bersabar, sebagaimana *ulū al-‘azmi* (rasul-rasul yang teguh jiwa mereka) telah bersabar, dan janganlah engkau meminta dilekaskan (azab) untuk mereka.” (Sūrah al-Aḥqāf ayat 35).

<sup>1</sup> Pengulangan perkataan yang.

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya adalah *al-rusuli*.

## Kesan-kesan Hijrah al-Rasul..

Ayat di atas menggambarkan kepada Rasulullah (S.A.W) bahawa sekalian rasul-rasul yang diutus sebelum baginda serta pengikut-pengikutnya semua mereka itu mendapat tentangan yang sehebat-hebatnya dari kaum-kaum yang mereka seru kepada agama Allah, malahan mereka itu pernah disiksa dengan seksaan-seksaan di luar batas peri kemanusiaan. (Seperti Nabi Ibrāhīm dilemparkan ke dalam unggunan api yang sedang menyala dan lain-lain – P).

Diantara pengikut-pengikut Nabi Muḥammad (S.A.W) yang paling hebat sekali menerima seksaan dari kaum Mushrikin Quraisy ialah keluarga Yāsir. Mereka pernah dijemu di tengah-tengah padang pasir yang berhawa panas membakar ketika matahari sedang berada di tengah-tengah langit yang cerah tak berawan dan tubuh-tubuh mereka yang tidak berbaju itu disebat dengan cemeti yang mencekuk daging-daging dari jasad yang sudah tidak bertenaga itu, sedang kanak-kanak pula disuruh melemparkan batu-batu pejal kepada tubuh-tubuh bogel yang sedang menggeliat menahan kesakitan. Pada ketika itu datangnya Rasulullah kepada mereka seraya bersabda: “Bersabarlah kamu wahai keluarga Yāsir! Sesungguhnya Tuhan menjanjikan kepada kamu dengan syurga.”


Manakala tindakan-tindakan kejam yang dilakukan oleh kaum Mushrikin di Makkah sehari demi sehari kian memuncak, maka Allah *Subḥānahu wa Ta’ālā* pun mengizinkan kaum Muslimin (berpindah) ke Kota Madinah bersama-sama dengan para Sahabat dan pengikut-pengikutnya. Perintah dari Allah yang bersifat pengasih dan penyayang ini, disambut oleh sekalian orang-orang Muslimin dengan

peroleh kegembiraan. Apabila sampailah saat yang ditunggu-tunggu itu, maka mereka pun berangkatlah meninggalkan bumi Makkah, kampung halaman, rumahtangga dan harta benda mereka, menuju ke tanah air mereka yang kedua iaitu bumi Madinah.

Jika kita tinjau dengan agak teliti, kita dapati banyak pengorbanan-pengorbanan tenaga dan harta benda yang telah diberikan oleh orang-orang Islam di zaman itu dalam melaksanakan peristiwa hijrah ini. Tetapi semuanya ini mereka lakukan demi untuk mempertahankan “akidah Islamiyah” yang telah meresap masuk ke segenap jiwa dan urat saraf mereka. Akidah yang sebegini indah dan konsep-konsep pengajaran yang begitu menarik yang dibawa oleh Islam melalui utusan Allah Muḥammad (S.A.W), adalah sangat sesuai dipraktikkan dalam masyarakat hidup manusia yang ingin menghirup udara yang bersuasana aman damai dalam menempuhi hidup di maya pada ini.

Walaupun bagaimanapun besar kesulitan-kesulitan hidup yang ditempuh oleh baginda Rasulullah (S.A.W) dalam sebuah masyarakat jahiliyah yang pada keseluruhannya menentang ajaran-ajaran Tuhan yang disampaikan oleh baginda kepada anggota masyarakat tersebut, namun begitu baginda tetap bertabah hati menghadapi musuh-musuh yang berada di sekeliling pinggangnya itu bagi meneruskan usaha-usaha dakwahnya dengan harapan semoga pada suatu ketika nanti kaumnya yang masih degil dan berhati batu itu akan diberikan petunjuk dan hidayah oleh Tuhan *’azza wa jalla*.

Tetapi kiranya harapan baginda itu meleset. Api permusuhan yang dinyalakan oleh kaum Mushrikin terhadap baginda kian hari kian tambah bersemarak. Ketua-ketua kaum Quraisy Mushrikin telah mengambil keputusan mengumpulkan pemuda-pemuda dari tiap-tiap kabilah untuk menjalankan satu tindakan serentak bagi membunuh



Masjidil Ḥarām di Makkah al-Mukarramah

## Kesan-kesan Hijrah al-Rasul..

Rasulullah. Sebagai seorang rasul pilihan Tuhan baginda sentiasa diberikan perlindungan yang sewajarnya. Niat jahat dari ketua-ketua kufar Quraisy itu dengan segera diberitahu oleh Allah kepada rasul-Nya. Baginda lantas diperintahkan supaya berhijrah ke Madinah al-Munawwarah mengikuti jejak kaum Mislimin yang telah lebih dahulu berhijrah ke sana untuk menyusun barisan baru dan memperkemaskan langkah menuju cita-cita suci untuk memperkembangkan ajaran-ajaran Tuhan dan menegakkan agama Allah.

Kalau kita perbandingkan sifat “kesabaran” yang dimiliki oleh Rasulullah dan yang tertanam di jiwa para Sahabat dan orang-orang Islam di zaman silam dengan pemimpin-pemimpin bangsa, penganjur-penganjur Islam dan seumum kaum muslimin yang berada di zaman ini, kita tidak segan-segan mengakui bahawa mereka telah kehilangan sifat “sabar” yang mesti tersemat di jiwa setiap Muslimin dan Muslimat dalam menghadapi sesuatu perjuangan dan cabaran hidup. Orang-orang Islam di zaman moden ini tidak sanggup menahan sabar sewaktu didatangkan kepada mereka sebahagian kecil dari ujian-ujian Tuhan yang berupa penderitaan-penderitaan ringan dalam sesuatu perjuangan yang mereka hadapi, mereka lekas sekali berputus asa dan segera surut ke belakang jika apa yang mereka cita-citakan itu sampai ke persimpangan jalan buntu.

Dalam segi “pengorbanan” pula, orang-orang Islam sekarang sudah kehilangan semangat, tidak ada yang benar-benar

mahu berkorban membela kemuliaan agama suci yang mereka anuti, tidak ada yang benar-benar mahu menggadaikan nyawa, tenaga dan hartanya untuk mempertahankan tanah air mereka daripada di belah bagi dan diperkecil-kecilkan oleh musuh-musuh Islam dan seterusnya tidak ada yang mahu tampil ke muka kalau tenaga dan ilmu pengetahuannya diminta dengan sukarela – tanpa faedah diri – untuk memperkembangkan ajaran-ajaran Tuhan ke seluruh pelusuk dunia bagi menyekat kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh kaum paderi Kristian memperkembangkan ajaran-ajaran agama mereka yang salah dan sesat itu. Mereka lebih mementingkan hidup berpuak-puak, bersendiri-sendirian dan nafsu-nafsi.

Kalau kita membuka lembaran buku-buku sejarah Islam dan membaca kisah “pengorbanan-pengorbanan” yang telah dipersembahkan oleh kaum Muhajirin yang sanggup meninggalkan tanah air dan harta benda serta bersiap-sedia memikul segala tanggungjawab yang diletakkan ke atas pundak mereka demi untuk menegakkan hak dan kebenaran, nescaya kita sendiri akan merasa kagum dan malu serta sedar akan kelemahan-kelemahan semangat “pengorbanan” yang ada pada jiwa kita masing-masing. Hendaknya kesedaran kita itu dijadikan alat pendorong bagi menghidupkan semula semangat “pengorbanan” dalam menegakkan risalah Tuhan yang kini hampir-hampir padam dari jiwa kita sebagai satu umat yang diakui Tuhan kemuliaan dan ketinggian.

Semuanya ini haruslah kita jadikan pelajaran bagi mengembalikan keagungan kita dan agama kita agar tetap di pandang tinggi dan disegani oleh lain-lain umat di mata dunia antara-

bangsa. Langkah yang paling sesuai – buat zaman sekarang – untuk kita merintis jalan menuju ke arah hubungan yang lebih rapat antara sesama umat Islam, ialah dengan mendirikan “markas-markas perhubungan” di tiap-tiap negara Islam di seluruh dunia yang mana tugasnya ialah untuk menampung segala kekurangan di lapangan pendidikan Islam serta memperlihatkan gerak langkah yang diambil oleh pendakwah-pendakwah agama Kristian yang masuk dengan cara menyeludup ke dalam masyarakat Islam dengan tujuan untuk memesongkan “akidah Islamiyah” dari jiwa generasi-generasi angkatan muda yang masih jahil dan mentah dalam memahami ajaran-ajaran Islam, kebanyakan dari mereka itu tidak mengetahui hakikat agama yang mereka sendiri anuti. Ini adalah berpunca dari gejala-gejala penjajah yang menguasai negara-negara Islam yang telah mengurung pemuda-pemuda Islam di sebalik tembok yang tidak dimasuki oleh cahaya pengajaran-pengajaran Islam yang suci.

## 2. Pendidikan:

Usha pertama yang paling dititik beratkan oleh Rasulullah (S.A.W) sebelum baginda diperintahkan oleh Tuhan berhijrah, ialah mengisi dada orang-orang Islam dengan ilmu pengetahuan agama serta menyampaikan kepada mereka pengajaran-pengajaran yang telah diturunkan Allah di dalam al-Qur’ān. Di samping itu baginda terus-menerus mendalami rasa keimanan ke dalam hati orang-orang yang telah mempercayai akan risalah suci yang dibawanya sambil memandu mereka mentadbirkan urusan-urusan hidup bermasyarakat menurut luno-luno pergaulan yang telah diatur dengan begitu rapi oleh

## Kesan-kesan Hijrah al-Rasul..

Allah Maha Pencipta.

Usaha-usaha dakwah dan pendidikan yang baginda jalankan di tengah-tengah satu masyarakat jahiliyah yang masih liar dan bertabiat kejam itu, sudah pasti menimbulkan berbagai-bagai kesulitan, terutama setiap gerak langkah yang baginda laksanakan di lapangan dakwah untuk menarik orang-orang Makkah supaya mempercayai akan kebenaran dan keluhuran agama Islam yang dibawanya itu, sentiasa diintip dan disekat oleh kaum kufar Quraisy yang memusuhinya dengan secara kekerasan. Ini sangat membimbangkan Baginda, terutama setelah baginda sendiri menyaksikan pendirian penduduk-penduduk Taif yang menentang seruan-seruan baginda dengan secara kasar dan mengancam keselamatan jiwa baginda dan pengikut-pengikutnya, begitu pula halnya dengan pendirian orang-orang Muhajirin yang berpindah ke negeri Habsyah (Ethiopia).


Apabila pendirian Islam telah mulai kuat di kota Madinah dengan adanya sokongan-sokongan teori dan praktikal yang diberikan oleh penduduk-penduduk kota itu terhadap perjuangan Islam, maka dengan tidak berlengah-lengah lagi baginda lantas menjadikan masjid al-Rasul sebagai rumah pendidikan atau maktab perguruan yang sentiasa dibanjiri oleh kaum Ansar dan Muahjirin. Di tengah-tengah bangunan rumah suci itulah baginda menerangkan konsep-konsep pengajaran Islam yang tercatat di dalam ayat-ayat al-Qur'ān yang diturunkan kepada baginda dari suatu masa ke suatu masa. Jiwa mereka dididik dengan sistem-sistem

pendidikan Islam tulen yang berdasarkan jujur ikhlas, taat setia, benar, amanah, berusaha, mencintai Allah, hidup mulia, bergotong-royong membina sebuah masyarakat Islam yang teguh dan sentiasa bekerja bagi menegakkan masa depan Islam yang konkrit, yang mana setiap pemeluknya sanggup menciptakan satu perpaduan yang rapat, perpaduan yang tak mungkin dipecah-belahkan oleh musuh-musuh Islam yang setia pada setiap ketika dan detik mencari jalan untuk meruntuhkan benteng perpaduan yang diciptakan oleh Islam itu.

Selanjutnya baginda tidak pula lupa mengikis perasaan hasad dengki, dendam-mendendami, membesarkan diri, sifat tamak, suka monopoli, bersikap *opportunist* dan bermuka-muka (munafik) yang mana sifat-sifat tersebut memang dijadikan dasar dalam masyarakat jahiliyah di zaman sebelum Islam. Kesimpulan dari ajaran-ajaran

yang baginda berikan kepada kaum Muslimin yang terdiri dari golongan-golongan Ansar dan Muhajirin itu, ialah umat Islam mesti tegas dalam pendirian hidupnya, mereka mesti tunduk dan berdamai kepada siapa sahaja yang sukakan perdamaian, dan wajib berkeras melawan dan memerangi setiap sahaja yang sukakan peperangan. Inilah konsep utama dalam Islam yang telah diajarkan oleh Rasulullah kepada orang-orang Muslimin yang berada di zamannya.

Beginilah cara-cara perjuangan Rasulullah (S.A.W) memimpin penduduk-penduduk kota Madinah dalam tahun pertama baginda berpindah ke kota suci itu sebagai tahun yang diisi penuh dengan pendidikan rohani dan jasmani yang berpusat di masjid al-Nabawi. Pusat pengajian Islam yang dibina oleh baginda itu sentiasa dipenuhi oleh para pelajar yang terdiri daripada kaum Ansar dan Muhajirin.



Masjid al-Nabawi di Madinah al-Munawwarah

## Kesan-kesan Hijrah al-Rasul..

Dengan bantuan dan sambutan begitu meriah yang diberikan oleh kaum Muslimin dari segala peringkat di kota Madinah itu, sangatlah menggembirakan Rasulullah (S.A.W), yang mana baginda telah berjaya membentuk jiwa para Sahabat dan seumum kaum Muslimin menjadi orang-orang Islam yang benar-benar beriman dan dan<sup>3</sup> bersimpati dengan ajaran-ajaran agama Allah yang dibawanya itu, sehingga mereka sanggup mengorbankan harta benda dan jiwa raga mereka demi untuk kepentingan Islam, mereka sanggup pula berjuang di samping baginda sama ada dengan memanggul senjata di medan perang atau pun menggunakan lisan (lidah) di medan dakwah untuk memberikan pencerangan-pencerangan yang tegas kepada orang-orang yang masih gelap mata hatinya tentang kebenaran dan keluhuran agama Allah yang disampaikan oleh rasul pilihan-Nya Muhammad (S.A.W).

Tugas utama yang mereka jalankan, ialah menggalaakkan pemeluk-pemeluk Islam mengerjakan amal kebajikan dan melarang mereka dari melakukan perkara-perkara yang mungkar serta menegakkan kebenaran melalui dakwah yang mereka melaksanakan di samping Rasulullah (S.A.W). Inilah perkara yang kedua dari kesan-kesan hijrah yang bertemakan pendidikan dan dakwah bagi memperkembangkan ajaran-ajaran suci ke seluruh alam sejagat. Pendidikan yang berdasarkan ajaran-ajaran Islam inilah yang menimbulkan kesan bagi membina sebuah masyarakat yang teguh dan konkrit, saling cinta-mencintai dan bahu-membahu menghadapi sebarang cabaran dari

musuh-musuh Islam di dalam dan di luar negeri.

Dengan adanya peristiwa hijrah inilah yang menyebabkan berubahnya aliran sejarah bangsa Arab dari suatu umat yang bertabiat liar dan biadab menjadi suatu umat yang mempunyai kebudayaan dan budi pekerti yang tinggi mulia, dan kemudiannya menjadikan seluruh umat manusia sedunia hidup bertamadun setelah mereka memetik dan menggunakan ilmu pengetahuan bercorak keduniaan yang sumber terbitnya dari ajaran-ajaran Islam. Tetapi yang amat mendukacitakan, pada hari ini kita umat Islam sendiri telah tertinggal jauh, mundur ke belakang di lapangan ilmu pengetahuan yang bercorak keduniaan, meskipun sumber terbitnya ilmu-ilmu pengetahuan tersebut adalah dari kalimah-kalimah ayat suci al-Qur'an al-Karim yang diturunkan khas oleh Tuhan kepada umat Islam. Sebab-sebabnya keadaan ini berlaku ialah gejala-gejala dari kesalahan umat Islam yang datang selepas zaman Rasul dan para *khulafā'* yang mana mereka berat sebelah memahami ayat-ayat Allah yang memimpin seluruh umat manusia menuju ke arah kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Soal ini tak perlu kita perbincangkan dengan panjang lebar kerana sebahagian besar dari umat Islam sendiri pada hari ini telah pun menyedarinya.

Kita sebagai satu umat yang benar-benar mempercayai akan keindahan dan kemantapan ajaran-ajaran yang dibawa oleh Islam, tentu sekali tidak akan ragu-ragu mengakui betapa besarnya kesan-kesan pendidikan Islam yang telah dipraktikkan oleh baginda Rasulullah (S.A.W) dalam membina sebuah masyarakat Islam yang progresif di zaman

keagungannya. Konsep perjuangan yang diamalkan oleh pengasas-pengasa Islam di zaman silam, di dalam apa lapangan jua pun – ialah memperkemarkan diri mereka terlebih dahulu sebelum daripada mereka melangkah kaki masuk ke medan perjuangan hidup yang bertemakan: “hidup bahagia dan mati mulia”. Oleh itu kita dapati setiap perjuangan yang mereka laksanakan jarang sekali bertemu dengan kebuntuan atau gagal. Ini adalah disebabkan setiap ketua yang ditugaskan memegang pucuk pemimpin sesuatu perjuangan itu terdiri dari mereka-mereka yang benar mempunyai iman yang teguh, semangat yang bersadur waja serta jujur ikhlas menjalankan segala tugas kewajiban yang mereka pikul

~~Kegagalan-kegagalan yang sering berlaku dalam~~ sesuatu perjuangan ialah gara-gara dari lemah iman, tidak percaya kepada diri sendiri, bersikap khianat, tidak ada sifat takwa dan menyeleweng dari dasar-dasar perjuangan yang dirancangan. Memandang kepada ini semua, betapa perlunya bagi kita umat Islam yang berada di zaman pancaroba ini mempunyai pucuk pimpinan yang menghidupkan semangat, menyuburkan akal fikiran, menyucikan jiwa dan hati serta memperteguhkan tekad perjuangan dengan mengikuti langkah pendidikan yang telah ditinggalkan oleh Junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) untuk menebus kembali segala kegagalan-kegagalan yang telah kita alami di masa-masa yang lampau.

Dua perkara lagi dari kesan-kesan pengajaran yang kita dapat dari peristiwa “Hijrah” ini, *in shā-Allāh* akan kita bentangkan di dalam majalah Qalam bilangan akan datang – Penterjemah.

<sup>3</sup> Pengulangan perkataan dan.